

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP2)
KAJIAN KES BEHAVIOURAL INSIGHTS BAGI TAHUN 2021

Tarikh : 28 April 2021 (Rabu)
Masa : 8.15 – 8.30 pagi
Tempat : Teams (Online)
Pengerusi : Pn. Rosmiza Rosly (Pengerusi)
Kehadiran : En. Aiman Zakwan Zahari (Ahli JPP)
Pn. Nor Akma Che Wan Naman (Ahli JPP)
Pn. Nor Izzati Norhisam (Ahli PCT)
Pn. Norliza Ahmad (Ahli PCT)
Pn. Shahriza Bahari
En Edward Binty
En. Jerry Shahnizal Ab Aziz
Pn. Nuraizah Harun
Pn. Shanthini Tamadoram
Cik Nurrul Nur Aisyah Hamran

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) dan ahli-ahli mesyuarat yang lain.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan objektif mesyuarat JPP2 ini diadakan untuk menyemak dan menilai dokumen pelawaan yang telah dikemukakan oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) selaku perunding yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perolehan bagi Kajian Kes *Behavioural Insights* bertajuk 'Meningkatkan Kesedaran di kalangan Pengusaha Makanan Dan Minuman Muslim Terhadap Keperluan Pensijilan Halal'.
- 1.3 Semakan dan penilaian oleh ahli JPP adalah bagi memastikan kertas cadangan teknikal dan perincian kos yang dikemukakan memenuhi kehendak Terma Rujukan atau *Terms of Reference* (TOR) kajian mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (Pindaan Kedua) (PK3.2) oleh Perbendaharaan Malaysia.

Makluman

2. MESYUARAT MEMBINCANGKAN DAN BERSETUJU:

- 2.1 Pengerusi meminta sekretariat mengemaskini skop kajian kes agar lokasi kajian yang bakal dijalankan terhadap kumpulan responden adalah lebih jelas.
- 2.2 Penetapan kos bagi kajian kes ini adalah sebanyak RM40,000.00 dan ianya telah dipersetujui oleh Ahli JPP secara sebulat suara. Penetapan kos perkhidmatan perunding bagi kajian ini menggunakan kaedah penetapan kos perkhidmatan perunding seperti di Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 3.2 – Kos Perkhidmatan Perunding.
- 2.3 Mesyuarat juga bersetuju tiada keperluan untuk menjalankan Mesyuarat Rundingan Harga bagi kajian kes ini memandangkan kos yang dicadangkan adalah tidak melebihi kos siling yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan Bil.3/2021 bertarikh 26 April 2021.

Tindakan: Sekretariat

3. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat di atas kerjasama yang telah diberikan dan menangguhkan mesyuarat pada jam 8.30 pagi.

Disediakan oleh:



Nuraizah Harun
Sekretariat JPP
Tarikh: 28 April 2021

Diluluskan oleh:



Rosmiza Rosly
Pengerusi JPP
Tarikh: 28 April 2021

MAKLUMBALAS MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP2)

Tarikh : 28 April 2021 (Rabu)
Masa : 8.15 – 8.30 pagi
Tempat : MS Teams (Online)

No.	Perkara	Maklumbalas
2.1	Pengerusi meminta sekretariat mengemaskini skop kajian kes agar lokasi kajian yang bakal dijalankan terhadap kumpulan responden adalah lebih jelas.	Skop kajian telah dikemaskini dalam Kertas Cadangan Teknikal.


SENARAI KEHADIRAN

JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP)

Bil. Kertas: _____

(Untuk diisi oleh Urusetia PCT)

Tarikh : 28 April 2021 (Rabu)
Masa : 8.15 – 8.30 pagi
Tempat : MS Teams (Online)
Tajuk : Projek Kajian Kes *Behavioural Insights* bagi Team 2 tahun 2021

Bil.	Nama	Tandatangan
1.	Pn. Rosmiza Rosly	
2.	En. Aiman Zakwan Zahari (Ahli JPP)	
3.	Pn. Nor Akma Che Wan Naman (Ahli JPP)	
4.	Cik Nor Izzati Norhisam (Ahli PCT)	
5.	Pn. Norliza Ahmad (Ahli PCT)	
6.	Pn. Shahriza Bahari	
7.	En Edward Binty	
8.	En. Jerry Shahnizal Ab Aziz	
9.	Pn. Nuraizah Harun	
10.	Pn. Shanthini Tamadoram	
11.	Cik Nurrul Nur Aisyah Hamran	

**Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)*

Merujuk kepada mesyuarat di atas, kami adalah dengan sesungguhnya dan seterusnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Kami telah menjalankan tugas sebagai Pengerusi/Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 684);*

- ii. *Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat kami mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh kami;*
- iii. *Kami tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88); dan*
- iv. *Kami sesungguhnya faham bahawa jika kami melanggar mana-mana terma dalam Akuan ini, kami boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.*